

NO. SOALAN : 541

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH JAWAPAN : -
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- a) adakah Kementerian bersedia untuk meminta TNB untuk mendedahkan kandungan dalam Perjanjian Pembelian Kuasa (PPA) dengan 1MDB, sebagai penerima projek jana kuasa solar 50MW secara rungging terus; dan

- b) rasional Kerajaan membenarkan perjanjian ini diberikan secara rungging terus.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perjanjian Pembelian tenaga solar di antara TNB dan 1MDB adalah merupakan satu perjanjian yang dibuat atas kepentingan komersial di antara kedua – dua pihak tersebut dan tidak melibatkan Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar Kerajaan meminta pihak TNB mendedahkan isi kandungan Perjanjian Pembelian Kuasa (PPA) atas dasar privasi kontrak dan kerahsiaan di antara kedua-dua pihak yang berkontrak.
2. Projek Loji janakuasa solar 50MW yang diberikan kepada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui rundingan terus merupakan sebuah projek perintis yang merupakan kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pembinaan loji janakuasa solar berkapasiti besar. Bagaimanapun pemberian secara rundingan terus ini perlu juga menepati peraturan-peraturan sedia ada dimana kepentingan kerajaan di lindungi berdasarkan beberapa

syarat yang ditetapkan. Tetapi apa yang penting, keberkesanan projek perintis ini akan menjadi titik tolak yang akan membuka peluang kepada syarikat – syarikat penjanaan solar lain untuk bersaing di dalam proses tender terbuka yang akan dilaksanakan kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN : 542

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan garis masa bagi penyerahan serta pendedahan keputusan audit keselamatan ICAO untuk tatapan awam selesai pengesahan status keselamatan KLIA2 oleh mantan Pemangku Menteri Pengangkutan pada April 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mendedahkan laporan audit keselamatan ICAO bagi KLIA2 untuk tatapan awam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : PUAN NURUL IZZAH BINTI DARIPADA ANWAR [LEMBAH PANTAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) adakah UiTM mempunyai sebarang program bagi mengambil pelajar antarabangsa; dan
- b) jelaskan juga jumlah serta statistik negara asal pelajar-pelajar antarabangsa ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi Mara 1976. Sehingga kini dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas iaitu UiTM ditubuhkan khusus untuk memberi Pendidikan Tinggi kepada pelajar bumiputera termasuk pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak di semua peringkat pengajian iaitu diploma, Ijazah pertama, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Sehubungan itu juga, KPM mempunyai dasar membenarkan pengambilan 5% pelajar antarabangsa di UiTM berdasarkan kerjasama

antara kerajaan dengan kerajaan (G2G).Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2013 adalah seramai 421 orang.

Dasar KPM dalam perkara ini adalah jelas iaitu membolehkan UiTM menyediakan pelajar-pelajarnya untuk bekerja dan bersaing dalam peringkat antarabangsa pada masa hadapan. Input dan maklum balas daripada pelajar antarabangsa yang belajar ketika ini boleh dijadikan panduan yang berguna di samping dapat membina networking ataupun jaringan dengan izin, pada peringkat awal lagi.